

## SPRM tahan lelaki guna dokumen palsu urusan pindah milik tanah

---

Ruwaida Md Zain, 2 Mei 2023

Shah Alam: Seorang lelaki ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini, selepas disyaki bersubahat dengan seorang pegawai sebuah jabatan kerajaan dalam urusan pindah milik tanah seorang individu menggunakan dokumen palsu.

Menurut sumber, suspek berusia 40 tahun yang bekerja sendiri dipercayai ditahan di pejabat SPRM Selangor, Seksyen 15, di sini kira-kira 1.55 tengah hari tadi ketika diminta hadir memberikan keterangan.

"Kegiatan suspek terbongkar selepas waris pemilik tanah itu mengesahkan penama iaitu bapanya sudah meninggal dunia dan tanah berkenaan tidak pernah dipindah milik kepada mana-mana pihak.

"Suspek dipercayai bersubahat dengan seorang pegawai sebuah jabatan kerajaan di sebuah daerah di Selangor bagi urusan pindah milik tanah milik seorang individu yang sudah meninggal dunia kepada seorang individu lain tanpa pengetahuan waris pemilik tanah berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan lelaki berkenaan.

Beliau berkata, kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 18, Akta SPRM 2009.

Katanya, suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok pada 9 pagi untuk permohonan reman bagi membantu siasatan.

-Harian Metro